

Seri Paduka tonggak perpaduan ummah

Sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan lambang kedaulatan negara

B/H 13/4/12 MS C.



YANG di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah mengucap Keris Panjang Diraja pada Istiadat pertabalan, semalam.

rakyat di negara ini. Raja Berperlembagaan bukan saja menjadi lambang sebuah negara berdaulat, bebas dan merdeka tetapi ia juga lambang perpaduan rakyat berbilang kaum.

Justeru berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan bahawa di negara kita, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pemerintah tertinggi, sebagai Ketua Negara dan Baginda juga sebagai Ketua Agama Islam.

Jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bukanlah satu jawatan diwarisi turun temurun. Dalam Perlembagaan Persekutuan, urusan pemilihan dan pelantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terletak pada keputusan Majlis Raja-Raja yang ditubuhkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru pemilihan baginda sebagai

kamu untuk tidak berlaku adil. Ber-laku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan."

Secara tersirat, pengekaln institusi Raja di negara ini adalah satu penerusan mengekalkan identiti sebuah kerajaan Melayu Islam di tanah air sebagai warisan bangsa. Institusi ini sumber kekuatan rakyat dan tempat rakyat mencari perlindungan, keadilan, memberikan kesetiaan, kecintaan dan taat setia.

Bagaimanapun sejak akhir-akhir ini, terdapat pihak tertentu cuba memecah-belahkan ummah, menuntut kebebasan secara melampau melanggar cara tabii manusia, mempertikaikan apa yang termaktub dalam Perlembagaan dan menyokong musuh Islam.

Persoalan besar timbul ialah mengapa keadaan ini berlaku? Berdasarkan pemerhatian, keadaan ini berlaku kerana terdapat umat Islam sendiri sanggup menggadai maruah dan kepentingan agama serta bangsa kerana kepentingan diri dan ideologi masing-masing serta ada yang sanggup bersubhat dengan pihak tertentu untuk mempertikaikannya atas alasan mempertahankan hak asasi pihak lain.

Oleh itu, umat Islam perlu sedar, mereka yang menyokong pihak memusuhi umat Islam sebenarnya meletakkan dirinya sebagai musuh Islam, ini disebabkan pengaruh musuh Islam yang mampu mengawal pemikiran dan tindakan mereka demi untuk mendapat apa yang diinginkan.

Jika umat Islam hilang intewgri, hilang maruah dan diperalatkan pihak lain, maka akhirnya umat Islam akan menerima nasib malang lagi hina di negara sendiri. Justeru, bagi mengekalkan keadaan dan suasana ini, umat Islam perlu bersatu padu mendokong dan menjunjung institusi Raja Berperlembagaan.

Maka, menjadi tanggungjawab rakyat jelata memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda sebagai pemerintah negara. Umat Islam diajar supaya taat dan patuh kepada pemerintah seperti firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa' ayat 59 bermaksud: "*Wahai orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan taatlah kamu kepada Ulii-Amri dalam kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah dan Rasul-Nya jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."*

Akhir sekali, bersempena pertabalan Al-Mu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni AlMarhum Sultan Badalishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah, marilah kita merafak sembah, menjunjung kasih taat setia kepada baginda sepanjang takhta pemerintahan.

Marilah kita mendoakan semoga Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta kerabat baginda sentiasa di bawah payung rahmat Ilahi, diteguk keimanan, dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan.

Semoga baginda dikurniakan taufik dan hidayah serta kekuatan untuk meneruskan pemerintahan negara. Kita doakan juga agar Negara dikekalkan nikmat kestabilan politik dan keamanan, dijauhkan dari segala perbuatan jahat dan fitnah yang boleh membawa malapetaka dan kehancuran.

Tanamkanlah rasa kasih sayang di antara rakyat yang berbilang kaum, kukuhkan perpaduan di kalangan mereka semoga sentiasa hidup aman damai, menikmati keadilan, kemakmuran dan keselamatan sepanjang zaman.

SEMPENA pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada kelmarin, tajuk khutbah hari ini ialah 'Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tonggak Perpaduan Ummah'.

Firman Allah SWT di dalam surah Al-An'am ayat 165 bermaksud: "*Dan Dialah yang menjadikan kamu khali-fah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak mengujimu pada apa yang dikurniakan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Al-Imam al-Mawardi dalam kitabnya Al-Ahkam As-Sultaniah wawilayah ad-Diniyah dalam menghuraikan tugas dan tanggungjawab khalifah, menggariskan beberapa dasar wajib dipikul dan dilaksanakan pemimpin sesuai dengan kedudukan masing-masing.

Antara ialah, yang pertama: Memelihara Din al-Islam, mengenai asasnya yang tetap dan juga perkara disepakati ulama. Kedua: Melaksanakan hukum di antara pihak bertelagah serta menyelesaikan setiap perselisihan yang timbul.

Ketiga: Melindungi kehormatan wanita supaya masyarakat terus hidup aman damai. Keempat: Menjalankan setiap hukum dan perintah yang Allah SWT amanahkan kepada manusia agar hak Allah tidak diabaikan dan dapat pula melindungi hak manusia dari kerosakan dan kemusnahan.

Sebagai umat Islam di Malaysia, kita bersyukur kerana struktur kepimpinan negara kita dalam keadaan stabil dan jauh lebih baik daripada sesetengah negara umat Islam lain yang sentiasa bergolak dan sebahagiannya huru-hara.

Sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan yang menjadi tonggak kepada kekuatan dan perpaduan